



OMAR OSMAN | BERITA HARIAN

BEBERAPA kanak-kanak Kampung Baru Sungkap Para membaca risalah penyakit Chikungunya yang diedar Jabatan Kesihatan selepas kampung itu diserang penyakit berkenaan.

Lima lagi hidap Chikungunya

B.H 16/12/08 M15 19

32 mangsa dipindah ke wad khas

Oleh Omar Osman
bhnews@bharian.com.my

SUNGAI PETANI: Lima lagi penduduk Kampung Baru Sungkap Para di sini, dimasukkan ke Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) selepas disahkan dijangkiti demam Chikungunya menjadikan jumlah mereka yang dijangkiti penyakit itu sehingga kini 32 orang.

Pengarah Kesihatan Kedah, Datuk Dr Hasnah Ismail, berkata mangsa terbaru itu adalah tiga lelaki dan dua wanita yang dimasukkan ke HSAH, malam kelmarin selepas pemeriksaan mendapati mereka mengalami tanda demam Chikungunya seperti sakit sendi, bengkak badan dan lemah seluruh anggota badan.

Katanya, semua 32 mangsa berkenaan juga sudah dipindahkan ke wad khas hospital lama Sungai Petani di sini,

berhampiran pejabat Jabatan Kesihatan daerah bagi memudahkan pegawai membuat pemantauan dan kajian mengenai penyakit berkenaan.

“Keadaan mereka tidak begitu serius dan cuma memerlukan rawatan lanjut dan sebaik kita berpuas hati dengan tahap kesihatan pesakit, mereka akan dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

“Pegawai dan kakitangan jabatan itu juga akan membuat pemantauan berteru-

“ Pegawai dan kakitangan jabatan juga akan membuat pemantauan berterusan ke atas penduduk kampung berkenaan”

Dr Hasnah Ismail
Pengarah Kesihatan Kedah

san ke atas penduduk kampung berkenaan dengan mengadakan pemeriksaan kesihatan, gotong-royong dari semasa ke semasa bagi memastikan tiada lagi penduduk dijangkiti penyakit itu,” katanya.

Katanya, penduduk kampung berkenaan juga diminta membuat pemeriksaan kesihatan sendiri di klinik dan memastikan kawasan persekitaran rumah sentiasa bersih tanpa perlu mengharapkan bantuan pihak lain.

“Setakat ini, kes penyakit Chikungunya hanya dikesan di Kampung Baru Sungkap Para saja dan kita tidak menerima sebarang aduan atau maklumat yang mengatakan penyakit itu sudah merebak ke kawasan lain.

“Jika ada penduduk kawasan lain yang mengalami demam seperti Chikungunya mereka hendaklah segera mendapatkan rawatan di klinik atau hospital berdekatan,” katanya.